

Penentu-Penentu Perbelanjaan Kerajaan Malaysia, 1980-2014

Norshajida binti Mukhtar
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM
Email: norshajida.mukhtar@gmail.com

Abstrak

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi perbelanjaan kerajaan Malaysia dan mengenal pasti hubungan antara pembolehubah bersandar iaitu perbelanjaan kerajaan (LG) dengan pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar. Kajian ini menggunakan data siri masa tahunan dari tahun 1980 hingga 2014. Enam pembolehubah tidak bersandar digunakan iaitu cukai (LTAX), populasi (LPOP), hutang kerajaan (LDEBT), inflasi (INF), pengangguran (UNE) dan keterbukaan (OPEN). Beberapa ujian regresi dijalankan seperti ujian ADF, ujian kointegrasi, ujian sebab penyebab Granjer dan beberapa ujian dignostik yang lain. Hasil kajian mendapati LG berhubung secara positif dengan pembolehubah LTAX, LPOP, INF, UNE, dan OPEN. Manakala, hanya pembolehubah LDEBT berhubung secara negatif dengan LG.

Kata kunci: *Perbelanjaan kerajaan, perbelanjaan awam, dasar fiskal*

1. Pendahuluan

Perbelanjaan kerajaan merujuk kepada perbelanjaan yang dibuat oleh pihak berkuasa termasuk Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan. Perbelanjaan ini bertujuan untuk melindungi rakyat, menggalakkan ekonomi negara dan menjaga kebajikan sosial (Sundaram, 1980). Menurut Peterson (1991), perbelanjaan kerajaan merupakan perbelanjaan terhadap barangan dan perkhidmatan untuk tujuan penggunaan dan pelaburan yang dapat memberikan manfaat dan kepuasan kepada masyarakat. Menurut Mohamad Zaki (2013) pula, perbelanjaan kerajaan merangkumi peruntukan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi menjalankan pelbagai projek kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Maka, di sini dapat dirumuskan bahawa perbelanjaan kerajaan adalah jumlah perbelanjaan yang dilakukan oleh kerajaan yang terdiri daripada perbelanjaan yang bersifat penggunaan, iaitu perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan yang bersifat pelaburan, iaitu perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan mengurus meliputi emolumen, pencen dan ganjaran, khidmat bayaran hutang luar negara dan dalam negara, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri, bekalan dan perkhidmatan, subsidi, biasiswa dan bantuan pelajaran, bayaran pengurusan kepada pihak pengurusan sekolah rendah dan menengah, pembelian aset, bayaran balik, bayaran ganti dan pemberian kepada badan berkanun (Chamhuri Siwar, 2005). Perbelanjaan mengurus bersifat kurang produktif manakala perbelanjaan pembangunan adalah bersifat produktif. Di Malaysia, perbelanjaan mengurus adalah melebihi perbelanjaan pembangunan bagi tempoh 1980 hingga 2014. Walaupun kurang produktif, kerajaan masih lagi memberikan peruntukan yang tinggi terhadap perbelanjaan mengurus kerana perbelanjaan ini mampu meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang (Norain et al., 2010). Seterusnya, perbelanjaan pembangunan pula meliputi peruntukan untuk menjalankan projek-projek pembangunan ekonomi seperti pembinaan jalan raya, jambatan, hospital dan lain-lain yang dapat meningkatkan tingkat sosio-ekonomi dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Menurut Mohamad Zaki (2013), perbelanjaan pembangunan ini meliputi perbelanjaan modal untuk sektor-sektor ekonomi seperti keselamatan (meliputi pertahanan dan keselamatan dalam negara), perkhidmatan sosial (pelajaran, kesihatan dan perumahan), perkhidmatan ekonomi (sektor pertanian dan pembangunan luar bandar, kemudahan awam, perdagangan dan

perhubungan, pentadbiran am) dan perkhidmatan awam. Perbelanjaan pembangunan adalah lebih rendah berbanding perbelanjaan mengurus kerana ia bersifat pelaburan jangka panjang.

Kemelesetan ekonomi dunia dalam tahun-tahun 1980 dan 1981 mula memberi kesan kepada ekonomi negara dalam suku tahun pertama 1982. Pertumbuhan ekonomi negara menjadi semakin lemah akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan dan akibatnya kebanyakan negara sedang membangun termasuk Malaysia terpaksa membuat penyelarasan struktur untuk mengurangi kesan kemelesetan tersebut (Chamhuri Siwar et al., 2005). Kadar pertumbuhan sebenar KDNK menurun daripada 8.6 % dalam tempoh 1976-1980 kepada 6.4% setahun dalam tempoh 1981-1982. Kedudukan ekonomi yang lembab ini telah menyebabkan pertambahan defisit dalam belanjawan kerajaan dan dalam akaun semasa imbalan pembayaran. Tindakan kerajaan untuk mendapatkan pinjaman dari luar negara bagi menampung kekurangan sumber kewangan negara telah meningkatkan hutang negara⁷⁰.

Dalam era 1990-an, berlaku peningkatan dalam jumlah hasil berbanding jumlah perbelanjaan disebabkan belanjawan berhemat dan pengukuhan fiskal yang menjadi teras pengurusan kewangan sektor awam (Chamhuri Siwar et al., 2005). Walaupun secara keseluruhannya Malaysia dilihat mencatatkan defisit bagi sebahagian besar tempoh kajian, namun terdapat beberapa tahun yang menunjukkan Malaysia mencatatkan surplus iaitu pada tahun 1993 hingga 1997 sebelum berlakunya krisis kewangan. Misalnya pada tahun 1997, operasi belanjawan adalah tertumpu kepada usaha mencapai lebihan yang lebih besar melalui kawalan ke atas perbelanjaan penggunaan. Kawalan ketat ke atas perbelanjaan terutamanya perbelanjaan mengurus adalah untuk membendung peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan. Walau bagaimanapun, dapat dilihat bahawa perbelanjaan kerajaan semakin bertambah dan melebihi pertambahan jumlah hasil selepas krisis kewangan Asia 1997/1998.


Krisis kewangan menyebabkan kerajaan telah menggunakan empat unsur untuk memulihkan ekonomi iaitu kadar pertukaran tetap, larangan terhadap aliran modal jangka pendek, dasar fiskal mengembang dan dasar kewangan yang longgar. Hasilnya pada tahun 2000, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan yang positif selama dua tahun selepas krisis kewangan⁷¹. Namun begitu, kerajaan merasakan perlu untuk menggalakkan rangsangan fiskal bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi pada tahun 2001. Dasar fiskal mengembang telah dilaksanakan dengan meningkatkan perbelanjaan dan pemberian insentif cukai yang lebih besar bertujuan untuk menggalakkan penggunaan dan pelaburan. Seterusnya semasa berlakunya krisis kewangan dunia sekitar tahun 2007 hingga 2009, secara spontan hampir kesemua negara terlibat termasuk Malaysia melaksanakan langkah dasar fiskal mengembang, iaitu dengan

⁷⁰ Ketika ini kerajaan mengambil langkah melancarkan Dasar Mengurangkan Perbelanjaan Awam dalam pertengahan tahun 1982 bagi menjamin kegiatan-kegiatan ekonomi berjalan lancar. Antara objektifnya ialah (a) untuk mengukuhkan kedudukan kewangan Kerajaan selaras dengan sumber-sumber yang ada; (b) Untuk mengurangkan defisit belanjawan kerajaan ke tahap yang selaras dengan pengurusan ekonomi yang berhati-hati; dan (c) Untuk mengawal pertumbuhan hutang awam supaya tidak menjejaskan kedudukan imbalan pembayaran negara dan kadar pertukaran asing (Jabatan Penerangan Malaysia, 2014).


⁷¹ Perlaksanaan dasar fiskal dan dasar kewangan yang ketat semasa berlakunya krisis kewangan tidak membantu memulihkan ekonomi Malaysia. Maka pada tahun 1998, kerajaan melaksanakan dasar fiskal mengembang dan mengekalkan dasar kewangan yang ketat. Kadar bunga yang tinggi membantu menstabilkan kadar pertukaran asing dan kemudiannya membolehkan dasar kewangan yang longgar dilaksanakan. Dasar kewangan yang longgar dilakukan melalui penurunan nisbah rizab berkanun, penurunan kadar pinjaman asas, kadar pinjaman bank yang tinggi dan penyatuan bank dan institusi kewangan. Dengan ini pertumbuhan ekonomi dapat dipulihkan (Yuin, C.S., 2008).

meningkatkan perbelanjaan kerajaan (Nor Asmat et al., 2011). Oleh itu berlaku pertambahan dalam perbelanjaan kerajaan. Rajah 1.1 menunjukkan hasil dan perbelanjaan kerajaan (RM Juta) dari tahun 1980 hingga 2014.

Selain itu, pertumbuhan perbelanjaan di Malaysia kebanyakannya adalah melebihi pertumbuhan KDNK seperti dalam Rajah 1.2. Pada awal 80-an, pertumbuhan perbelanjaan kerajaan adalah sebanyak 41% berbanding pertumbuhan KDNK hanya 8.08%. Akibat daripada kemerosotan ekonomi di negara-negara perindustrian utama, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang perlahan. Pada 1990-an, pertumbuhan perbelanjaan kerajaan berada di bawah paras 20% manakala pertumbuhan KDNK adalah sekitar 11% hingga 14% sahaja. Semasa krisis kewangan 2008/2009, perbelanjaan dan KDNK menunjukkan pertumbuhan yang negatif dan kemudiannya meningkat semula selepas tempoh tersebut.



Rajah 1.1: Perbandingan Hasil dan Perbelanjaan Kerajaan Malaysia, 1980-2014.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia (2014).



Rajah 1.2: Petunjuk Fiskal Malaysia, 1980 hingga 2014.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia (2014).

Melalui perbincangan di atas, tidak dinafikan bahawa Malaysia pernah mengalami perbelanjaan surplus namun ianya hanya sekitar tahun 1993 hingga 1997 sahaja. Selain daripada tempoh berkenaan, kebanyakan corak perbelanjaan tahunan di Malaysia mengalami defisit berterusan bagi tahun 1980 hingga 2014. Hal ini berikutan jumlah perbelanjaan kerajaan yang kerap kali melebihi jumlah hasil yang diperolehi bagi satu-satu tahun. Malahan, perbelanjaan kerajaan ini juga melebihi pertumbuhan KDNK negara. Oleh itu, persoalan yang timbul adalah apakah pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi perbelanjaan kerajaan ini? Adakah pembolehubah-pembolehubah ini mempunyai hubungan positif atau negatif dengan perbelanjaan kerajaan? Maka, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti

pembolehubah-pembolehubah yang mempengaruhi perbelanjaan Malaysia bagi tempoh 1980 hingga 2014 dan mengenal pasti hubungan antara pembolehubah-pembolehubah tak bersandar dengan perbelanjaan kerajaan.

Perbincangan seterusnya dibahagikan kepada beberapa bahagian. Bahagian 2 merupakan sorotan karya. Bahagian 3 merupakan metodologi manakala Bahagian 4 membincangkan hasil kajian berdasarkan ujian-ujian yang dijalankan. Akhir sekali Bahagian 5 merupakan kesimpulan dan implikasi dasar.

2. Sorotan Karya

Kajian terhadap perbelanjaan kerajaan sebahagian besarnya menjurus kepada kajian perbelanjaan kerajaan secara umum seperti kajian tentang hubungan perbelanjaan kerajaan dengan pertumbuhan ekonomi dan hasil kerajaan tanpa mengambil kira penentu-penentu perbelanjaan kerajaan yang lain. Berikut merupakan antara sorotan terhadap kajian-kajian perbelanjaan kerajaan secara umum :

Norain Mod Asri et al. (2010), Zulkefly Abdul Karim dan Aminudin Mokhtar (2005) dan Mohamad Zaki Mohd Shukri (2013) misalnya mendapati dalam jangka panjang, pendapatan negara dominan dipengaruhi oleh perbelanjaan kerajaan manakala dalam jangka pendek perbelanjaan kerajaan dipengaruhi oleh pendapatan negara. Sebaliknya Hussin Abdullah (2008) mendapati peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi berlaku secara perlahan. Dapatan ini selaras dengan dapatan kajian Akpokere & Ighorejo (2013) di Nigeria.

Kajian Mohamad Zaki Mohd Shukri (2013) juga konsisten dengan kajian oleh Zulkefly Abdul Karim et al. (2006) dan kajian Tsen & Ping (2005) yang mendapati pembolehubah hasil kerajaan mempunyai pengaruh terhadap perbelanjaan kerajaan. Walau bagaimanapun, kajian Zulkefly dan Aminudin (2005) mendapati perbelanjaan kerajaan yang mempengaruhi hasil dalam jangka panjang. Mehrara et al. (2011) dan Saysombath & Kyophilavong (2013) pula mendapati wujud hubungan sebab penyebab dua hala antara hasil dan perbelanjaan kerajaan dalam jangka pendek dan panjang.

Selain itu, Gemmell et al. (1999) dalam kajian di United Kingdom mendapati cukai tidak langsung dan defisit fiskal berhubung secara positif dengan perbelanjaan kerajaan. Peningkatan cukai tidak langsung dan defisit fiskal akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan. Kajian oleh Mariam Abdul Aziz et al. (2000) menunjukkan kewujudan hubungan sebab penyebab dua hala antara perbelanjaan kerajaan dengan hasil cukai kerajaan.

Berdasarkan sorotan yang dibuat, didapati bahawa kajian penentu-penentu perbelanjaan kerajaan di Malaysia masih kurang meluas berbanding kajian perbelanjaan secara umum. Terdapat banyak pembolehubah yang berbeza-beza digunakan dalam kajian-kajian penentu perbelanjaan kerajaan terdahulu. Misalnya Yui (2008) mendapati perbelanjaan kerajaan di Malaysia berhubung secara positif dengan KDNK dan nisbah akaun semasa kepada KDNK. Manakala bagi hasil cukai kerajaan dan jumlah populasi mempunyai hubungan yang negatif dengan perbelanjaan kerajaan. Ujian penyebab Granger pula menunjukkan terdapat hubungan sebab penyebab sehalu antara perbelanjaan kerajaan dengan KDNK, populasi, hasil cukai dan nisbah akaun semasa. Manakala tidak terdapat hubungan sebab penyebab antara perbelanjaan kerajaan dengan kadar inflasi, kadar pengangguran dan kemelesetan ekonomi.

Alm & Embaye (2010) mengkaji penentu-penentu perbelanjaan per kapita di Afrika Selatan bagi tempoh 1960 hingga 2007. Pendapatan per kapita dan kadar upah berhubung secara

positif manakala cukai berhubung secara negatif dengan perbelanjaan. Pendapatan per kapita mempengaruhi perbelanjaan tetapi cukai dan kadar upah tidak mempunyai hubungan penyebab Granger dengan perbelanjaan. Namun, dalam jangka panjang, kedua-duanya penting untuk memastikan kestabilan pendapatan per kapita dan perbelanjaan. Selain itu, perbelanjaan berhubung secara positif dengan kejutan luar seperti peperangan dan harga minyak. Ini bermakna kejutan luar merupakan faktor yang signifikan mempengaruhi perbelanjaan kerajaan. Kejutan dalaman seperti pilihan raya dan faktor keterbukaan merupakan faktor yang kurang signifikan kerana mempunyai kesan yang sedikit terhadap perbelanjaan.

Aregbeyen & Akpan (2013) mendapati hasil kerajaan merupakan penentu utama perbelanjaan kerajaan di Nigeria. Kewujudan pelaburan asing, peningkatan saiz populasi dan pilihan raya menyebabkan peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan. Oleh itu, faktor hasil kerajaan, pelaburan asing, populasi dan pilihan raya adalah berhubung secara positif dengan perbelanjaan kerajaan. Faktor keterbukaan Nigeria dan beban hutang menyebabkan penurunan perbelanjaan kerajaan dalam jangka panjang. Oleh itu, faktor keterbukaan dan beban hutang adalah berhubung secara negatif dengan perbelanjaan kerajaan. Hasil kajian C. Okafor & O. Eiga (2011) juga di Nigeria mendapati faktor populasi, beban hutang dan hasil cukai berhubung secara positif dengan perbelanjaan kerajaan di Nigeria. Hanya kadar inflasi mempunyai hubungan negatif dengan perbelanjaan kerajaan di Nigeria.

Kajian Skidmore et al. (2004) bagi negara sedang membangun, OECD dan bukan OECD mendapati faktor keterbukaan adalah signifikan terhadap perbelanjaan kerajaan manakala upah adalah faktor yang tidak signifikan bagi perbelanjaan kerajaan. Faktor populasi pula adalah signifikan bagi negara OECD tetapi tidak signifikan untuk negara sedang membangun. Kajian De Haan & Sturm (1997) terhadap negara-negara OECD mendapati hutang kerajaan adalah bersifat lawan kitaran yang menyebabkan berlakunya bajet defisit. Kadar pengangguran yang tinggi pula menyebabkan perbelanjaan kerajaan terpaksa ditingkatkan. Maka, hutang dan kadar pengangguran adalah signifikan terhadap perbelanjaan kerajaan. Faktor politik pula tidak mempengaruhi perbelanjaan kerajaan.

Quijano & Garcia (2005) merumuskan terdapat tiga faktor mempengaruhi perbelanjaan di Filipina iaitu pelaburan swasta, faktor keterbukaan dan kadar guna tenaga. Didapati ketiga-tiga faktor ini adalah signifikan terhadap perbelanjaan kerajaan di Filipina. Selain itu, ujian penyebab Granger mendapati terdapat hubungan satu arah antara perbelanjaan kerajaan dengan KDNK, di mana perbelanjaan kerajaan mempengaruhi KDNK. Bayraktar & Moreno (2012) pula merumuskan pertumbuhan ekonomi dan keterbukaan adalah lebih signifikan untuk negara yang cepat membangun. Manakala, hasil cukai hanya signifikan untuk negara cepat membangun. Inflasi pula mempunyai hubungan negatif dan lebih signifikan untuk negara sedang membangun. Manakala kajian Abu Tayeh & Mairna H. Mustafa (2011) adalah untuk mengenal pasti penentu-penentu utama perbelanjaan awam di Jordan bagi tahun 1990 hingga 2010. Hasil kajian mendapati faktor populasi, kadar inflasi dan kadar pengangguran adalah signifikan mempengaruhi perbelanjaan di Jordan.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan data siri masa tahunan bagi tempoh 1980 hingga 2014. Data-data diperolehi daripada pelbagai laman sesawang seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Statistik Malaysia, Unit Perancang Ekonomi dan Bank Negara Malaysia. Model dalam kajian ini dibentuk berdasarkan pembolehubah-pembolehubah yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Daripada sejumlah 19 pembolehubah yang didapati daripada sorotan yang dibuat, sebanyak 6 pembolehubah dipilih untuk digunakan dalam model kajian ini. Pemilihan ini adalah berdasarkan kekerapan pembolehubah yang

digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Ujian-ujian yang dijalankan adalah seperti ujian punca unit *Augmented Dickey Fuller* (ADF), ujian kointegrasi Johansen-Juselius (JJ), ujian sebab penyebab Granger dan ujian-ujian diagnostik seperti ujian Langrange Multiplier (LM) Breusch-Godfrey, ujian heteroskedastisiti ARCH dan ujian normaliti.

Persamaan 1 menunjukkan model ekonomi kajian ini yang menunjukkan hubungan antara perbelanjaan kerajaan dengan pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar yang lain. Model ekonometrik yang dianggarkan ialah model log-linear. Pembolehubah ditukarkan kepada bentuk logaritma bertujuan untuk mengecilkan nilai saiz data yang mempunyai nilai mutlak yang besar. Maka, dalam kajian ini hanya pembolehubah G, TAX, POP, dan DEBT akan dilogkan bagi mengecilkan saiz data sebenar.

Model ekonomi adalah seperti berikut :

$$G = f(\text{TAX}, \text{POP}, \text{DEBT}, \text{INF}, \text{UNE}, \text{OPEN}) \quad [1]$$

(+ (+) (+) (+) (-) (+)

Model regresi adalah seperti berikut :

$$\text{LG} = \beta_0 + \beta_1 (\text{LTAX}) + \beta_2 (\text{LPOP}) + \beta_3 (\text{LDEBT}) + \beta_4 (\text{INF}) + \beta_5 (\text{UNE}) + \beta_6 (\text{OPEN}) + \varepsilon \quad [2]$$

di mana,

LG = Log Perbelanjaan Kerajaan (RM Juta). Diwakili oleh perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014).

LTAX = Log Hasil Cukai (RM Juta). Hasil kerajaan yang diterima daripada hasil cukai langsung (seperti cukai pendapatan) dan hasil cukai tidak langsung (seperti duti eksport, eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan) (Kem. Kewangan Malaysia, 2014).

LPOP = Log Populasi (Juta Orang). Merupakan jumlah penduduk yang menghuni dalam negara Malaysia (Unit Perancang Ekonomi, 2014).

LDEBT = Log Hutang kerajaan (RM Juta). Pinjaman yang dilakukan oleh kerajaan untuk membiayai perbelanjaan negara yang terdiri daripada pinjaman dalam negara dan pinjaman luar negara (Kementerian Kewangan Malaysia, 2014).

INF = Inflasi (Peratus). Diwakili oleh Indeks Harga Pengguna (IHP). IHP mengukur kadar perubahan purata bagi harga sekumpulan barangan dan perkhidmatan yang ditetapkan (Bank Negara Malaysia, 2014).

UNE = Pengangguran (Peratus). Merupakan jumlah tenaga buruh ditolak dengan jumlah guna tenaga iaitu di Malaysia (Jabatan Statistik Malaysia, 2014).

OPEN = Keterbukaan (Peratus). Diukur menggunakan nisbah eksport dan import kepada KDNK. (Skidmore et al., 2004 dan Bayraktar, 2012).

ε = Ralat rawak

4. Hasil Kajian

Dalam ujian punca unit, pembolehubah LPOP dan INF pegun pada peringkat Aras manakala pembolehubah LG, LTAX, UNE dan OPEN pegun pada peringkat satu, iaitu I(1) dan pembolehubah LDEBT pegun pada peringkat dua, iaitu I(2). Dengan keputusan ujian ADF ini, analisis seterusnya dijalankan untuk menguji hubungan kointegrasi antara pembolehubah-pembolehubah. Berikut merupakan persamaan LG berdasarkan koefisien kointegrasi normal (*Normalized co-integration Coefficient*) :

$$\text{LG} = 1.2261\text{LTAX} + 0.6822\text{LPOP} - 0.2724\text{LDEBT} + 0.0353\text{INF} + 0.1731\text{UNE} + 0.0244\text{OPEN} \quad [3]$$

(0.0772) (0.3311) (0.0547) (0.0043) (0.0142) (0.0473)
Petunjuk : Nilai dalam kurungan ialah nilai ralat piawai

Berdasarkan persamaan 3, hubungan antara LG dan LTAX adalah positif. Ini bermakna peningkatan 1% dalam cukai akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan meningkat sebanyak 1.23%. Hipotesis ini adalah sama seperti dalam jangkaan awal dan selaras dengan dapatan kajian oleh C. Okafor & O.Eiga (2011) dan Bayraktar & Moreno (2012) iaitu peningkatan dalam hasil cukai akan menyebabkan peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan.

Hubungan antara LG dan LPOP juga positif. Ini bermakna peningkatan 1% dalam populasi akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan meningkat sebanyak 0.68%. Keputusan ini menunjukkan hubungan positif seperti dalam jangkaan awal dan dapatan kajian oleh & Pandey (2010), Aregbeyen & Akpan (2013), C. Okafor & O. Eiga (2011), Abu Tayeh & Mairna H. Mustafa (2011) dan Vuckovic & Basarac (2012) yang mendapati populasi adalah signifikan mempengaruhi perbelanjaan kerajaan.

Bagi pembolehubah LDEBT, ia mempunyai hubungan yang negatif dengan LG. Ini bermakna peningkatan 1% dalam hutang negara akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan menurun sebanyak 0.27%. Hubungan negatif ini adalah selaras dengan dapatan kajian Aregbeyen & Akpan (2013). Keadaan ini menunjukkan beban hutang yang ditanggung menyebabkan penurunan perbelanjaan kerajaan dalam jangka panjang. Keputusan ini bertentangan dengan dapatan oleh meningkat maka perbelanjaan kerajaan turut meningkat. Oleh itu wujud hubungan positif antara hutang kerajaan dan perbelanjaan kerajaan.

Selain itu, INF menunjukkan hubungan yang positif dengan LG dan bertentangan dengan jangkaan awal kajian. Ini menunjukkan bahawa peningkatan 1% dalam inflasi akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan meningkat sebanyak 0.04%. Menurut dapatan kajian oleh Bayraktar & Moreno (2012), Abu Tayeh & Mairna H. Mustafa (2011) dan C. Okafor & O. Eiga (2011), hubungan inflasi dan perbelanjaan kerajaan adalah negatif kerana apabila wujud inflasi dalam negara maka perbelanjaan kerajaan akan dikurangkan. Ini bermakna di Malaysia inflasi menyebabkan perbelanjaan kerajaan semakin bertambah.

Hubungan antara LG dan UNE adalah positif. Ini bermakna peningkatan 1% dalam pengangguran akan menyebabkan perbelanjaan kerajaan meningkat sebanyak 0.17%. Jangkaan ini adalah selaras dengan jangkaan awal dan juga dapatan kajian oleh Abu Tayeh & Mairna H. Mustafa (2011) dan De Haan & Sturm (1997) yang mendapati peningkatan dalam jumlah pengangguran akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan.

Pembolehubah terakhir dalam model ini ialah OPEN yang menunjukkan hubungan positif dengan LG. Ini menunjukkan peningkatan 1% dalam keterbukaan akan meningkatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak 0.02%. Ini kerana apabila KDNK meningkat, nisbah import dan eksport kepada KDNK akan menurun. Maka, perbelanjaan kerajaan akan menurun. Oleh itu, wujud hubungan positif antara keterbukaan dengan perbelanjaan kerajaan. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Quijano & Garcia (2005), Skidmore et al. (2004) dan Bayraktar & Moreno (2012).

Seterusnya sebutan pembetulan ralat (ECT) dimasukkan ke dalam model kajian jika pembolehubah-pembolehubah berkointegrasi pada I(1). Hasil kajian juga mendapati koefisien ECT bernilai negatif maka dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan jangka panjang antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini. Namun begitu, ujian Wald tidak dapat

membuktikan kewujudan hubungan jangka pendek antara pembolehubah kerana hasil yang diperolehi adalah tidak signifikan.

Berdasarkan ujian Granger pula didapati terdapat hubungan dua hala antara LG dan LTAX di mana LG dan LTAX saling menyebabkan antara satu sama lain. Hubungan satu halapula adalah antara LG dengan LPOP dan UNE di mana hanya LPOP dan UNE menyebabkan LG tetapi LG tidak menyebabkan LPOP dan UNE. Selain itu, ujian Granger mendapati tidak terdapat hubungan sebab penyebab antara LG dengan INF, LDEBT dan OPEN.

Normalized cointegrating coefficients (standard error in parentheses)

LG	LTAX	LPOP	LDEBT	INF	UNE	OPEN
1.000000	-1.226132 (0.07717)	-0.682181 (0.33105)	0.272424 (0.05471)	-0.035313 (0.00431)	-0.173072 (0.01415)	-0.024390 (0.04734)

Pairwise Granger Causality Tests

Null Hypothesis:	Obs	F-Statistic	Prob.
LTAX does not Granger Cause LG	33	2.53744	0.0971
LG does not Granger Cause LTAX		3.96355	0.0305
LPOP does not Granger Cause LG	33	4.60005	0.0187
LG does not Granger Cause LPOP		0.76531	0.4747
LDEBT does not Granger Cause LG	33	1.03188	0.3695
LG does not Granger Cause LDEBT		1.60458	0.2189
INF does not Granger Cause LG	33	0.20681	0.8144
LG does not Granger Cause INF		0.28543	0.7539
UNE does not Granger Cause LG	33	3.41525	0.0471
LG does not Granger Cause UNE		1.44937	0.2518
OPEN does not Granger Cause LG	33	1.24121	0.3045
LG does not Granger Cause OPEN		0.11100	0.8953

Breusch-Godfrey Serial Correlation LM Test:

F-statistic	0.687182	Prob. F(2,14)	0.5192
Obs*R-squared	2.860583	Prob. Chi-Square(2)	0.2392

Heteroskedasticity Test: ARCH

F-statistic	0.676710	Prob. F(2,27)	0.5167
Obs*R-squared	1.432017	Prob. Chi-Square(2)	0.4887

Normality Test

Skewness	0.231915	Jarque-Bera	3.192782
Kurtosis	4.476296	Probability	0.202627

Beberapa ujian diagnostik dijalankan ke atas model kajian ini bagi menguji data-data yang digunakan. Antaranya ujian autokorelasi Breusch Godfrey, ujian heterokedastisiti ARCH dan ujian normaliti. Keputusan ujian-ujian diagnostik tersebut menunjukkan tiada masalah autokorelasi bersiri, tiada masalah heteroskedastisiti dan syarat ralat adalah bertaburan normal bagi model kajian ini.

5. Kesimpulan & Implikasi Dasar

Hasil kajian menunjukkan perbelanjaan kerajaan berhubung secara positif dengan hasil cukai, inflasi, populasi, pengangguran dan keterbukaan. Ini bermakna sekiranya berlaku peningkatan dalam hasil cukai, inflasi, populasi, pengangguran dan keterbukaan maka perubahan ini turut memberi kesan kepada peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan. Walaupun hasil cukai berhubung secara positif dengan perbelanjaan kerajaan namun peningkatan perbelanjaan kerajaan terutamanya jika melebihi peningkatan dalam hasil cukai akan memberikan kesan yang buruk terhadap ekonomi negara. Selaras dengan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015, kerajaan menjangkakan peningkatan dalam kutipan hasil cukai negara. Namun begitu, peningkatan hasil cukai ini tidak dapat mencapai objektif bagi menambahkan pendapatan negara sekiranya peningkatan perbelanjaan masih melebihi peningkatan hasil. Secara tidak langsung pelaksanaan GST ini tidak dapat membantu mengurangkan defisit. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan adalah lebih perlahan berbanding peningkatan dalam hasil cukai supaya defisit dapat dikurangkan.

Selain itu, perbelanjaan kerajaan juga berhubung secara positif dengan populasi dan pengangguran. Ini bermakna semakin bertambah populasi dan pengangguran dalam negara, semakin meningkat perbelanjaan kerajaan. Namun begitu, peningkatan jumlah populasi merupakan objektif dalam Dasar Kependudukan Malaysia bagi mencapai jumlah penduduk seramai 70 juta orang. Oleh sebab itu, walaupun peningkatan populasi ini menyebabkan peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan tetapi kerajaan masih lagi boleh mendapat pulangan yang positif pada masa hadapan sekiranya perbelanjaan tersebut dibuat secara bijaksana. Misalnya perbelanjaan yang tinggi dalam sektor pendidikan dan kesihatan khususnya, dilihat sebagai satu skop yang positif untuk meningkatkan pembangunan manusia yang berhubung dengan kualiti hidup. Secara tidak langsung keadaan ini akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara. Pada masa yang sama, lebih banyak modal insan dapat dihasilkan. Justeru, kerajaan harus memberi penekanan dalam memperuntukkan perbelanjaan pendidikan dan kesihatan sebagai langkah yang berkesan dalam memenuhi kehendak komersial dan industri. Ia seharusnya dilihat sebagai salah satu cara bagi mencapai tahap produktiviti yang tinggi melalui tenaga kerja yang sihat dan berkemahiran. Dengan ini, pengangguran dapat dikurangkan.

Oleh sebab pembolehubah tidak bersandar didapati mempunyai hubungan jangka panjang dengan perbelanjaan kerajaan, maka kerajaan dapat menggunakan petunjuk ini bagi merancang perbelanjaan yang lebih berkesan. Secara tidak langsung dapat memperbaiki corak perbelanjaan dan mengurangkan masalah defisit yang dihadapi.

Rujukan

Alesina, A. & Wacziarg, R. (1998). Openness, Country Size and Government, *Journal of Public Economics*, 69, 305–321.

Abu Tayeh & Mairna H. Mustafa (2011). The Determinants of Public Expenditures in Jordan, *International Journal of Business and Social Science*, Vol. 2 (8), 45-49.

Akpokerere, O. E. & Ighoroje E. J. (2013). The Effect of Government Expenditure on Economic Growth in Nigeria : A Dissagregated Analysis from 1977 to 2009, *International Journal of Development Research and Investment*, Vol 4 : 76-82.

Alm, J. & Embaye, A. (2010). Explaining the Growth of Government Spending in South Africa, *South Africa Journal of Economics*, Volume 78 (2), 152-169.

Aregbeyen, O. & Akpan, F. (2013). Long-term Determinants of Government Expenditure: A Disaggregated Analysis for Nigeria, *Journal of Studies in Social Sciences*, Vol (1), 31-87.

Bank Negara Malaysia (2014). Diakses daripada http://www.bnm.gov.my/index.php?cx=006442245152660814738%3Aohlmytqlkxy&cof=FO RID%3A9&ie=UTF8&tp1_id=470&q=fiscal+policy&sa.x=47&sa.y=17&sa=Searh [Diakses pada 1 Oktober 2014].

Barro, R. J. (1990). Government Spending in a Simple Model of Endogeneous Growth, *Journal of Political Economy*, 98 (5), pp 103-125.

Bayraktar, N. & Moreno, B. (2012). How Can Public Spending Help You Grow? An Empirical Analysis for Developing Countries, *Bulletin of Economic Research*, 0307-3378.

Benarroch, M. & Pandey, M. (2010). The Relationship between Trade Openness and Government Size: Does Disaggregating Government Expenditure Matter?, *Journal of Macroeconomics*, 34, 239-252.

Blais, A. et al. (2010). Public Spending, Public Deficits and Government Coalitions, *Political Studies*, Vol 58, 829-846.

C. Okafor & O. Eiga (2011). Determinants of Growth in Government Expenditure : An Empirical Analysis of Nigeria, *Journal of Business Management*, Vol 5 (1), 44-50.

Chamhuri Siwar et al. (2005), *Ekonomi Malaysia*, Edisi Keenam, Longman Malaysia Sdn. Bhd.
Easaw, J. Z. & Garrat, D. (2006). General Elections and Government Expenditure Cycles : Theory and Evidence from UK, *European Journal of Political Economy*, Vol 22, 292-306, Diakses dari <www.sciencedirect.com> [Diakses pada 25 Dis 2014]

Fatimah Said et al. (2010). Foreign Investment, Government Expenditure and Economic Growth in Malaysia, *International Journal of Management Studies*, Vol 17 (1), 1-18.

Gemmell, N. et al. (1999). Fiscal Illusion and The Demand for Government Expenditures in The UK, *European Journal of Political Economy*, Vol. 15, 687-704.

De Haan, J. & Sturm, J. E. (1997). Political and Economic Determinants of OECD Budget Deficit and Government Expenditure : A Reinvestigation, *European Journal of Political Economy*, Vol 13, 739-750.

Hamzaid Yahya (2009). *Ekonomi*, Edisi Ketiga, Rakan Bimbingan Bestari, Melaka.

Hussin Abdullah (2008). *Effects of Government Expenditure, Fiscal policy and Institution on The Economic Growth of ASIAN Economies*, Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (2014). Diakses daripada <<http://portal.anm.gov.my/main.php>> [Diakses pada 1 Oktober 2014].

Jabatan Penerangan Malaysia (2014). Diakses daripada <<http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/maklumat-kenegaraan/244-dasar-beban-perbelanjaan-awam.html>> [Diakses pada 1 Oktober 2014].

- Jabatan Perangkaan Ekonomi (2013). Diakses daripada <<http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=bm>> [Diakses pada 1 Oktober 2014].
- Kassaipour, N. et al. (2012). The Effect of Fiscal Policy In Terms of Government Spending on Private Consumption in Recession and Booms in Iran, *Management Science Letter*, 2, 2521-2524.
- Kementerian Kewangan Malaysia (2014). Diakses daripada <<http://www.treasury.gov.my/index.php?lang=ms>> [Diakses pada 1 Oktober 2014].
- Mariam Abdul Aziz et al. (2000). Testing For Causality between Taxation and Government Spending : An Application of Toda-Yamamoto Approach, *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 8 (1): 45-50.
- Mehrara, M. et al. (2011). Government Revenue and Government Expenditure Nexus in Asian Countries : Panel Cointegration and Causality, *International Journal of Business and Social Science*, Vol. 2 No. 7, Special Issue –April 2011.
- Mithani, D. M. et al. (1998). Trends and Patterns of Federal Government Spending in Malaysia, (1&2), 67-87.
- Mohamad Zaki Mohd Shukri (2013). Corak dan Agihan dalam Perbelanjaan Kerajaan dan Kesan Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Negara : Kajian Empirikal bagi Kes Malaysia, *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 2, 719-724.
- Narayanan, S. (2003). *Dasar Fiskal di Malaysia : Pengalaman dan Pengajaran*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Nor Asmat Ismail (2008). Kesan Perbelanjaan Kerajaan ke atas Penggunaan Isi Rumah : Data Panel Negara-negara Islam, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, Vol 42, 3-21.
- Nor Asmat Ismail (2010). Does government Spending Crowd out Private Consumption in Malaysia, *Jurnal Kemanusiaan*, bil 16.
- Nor Asmat Ismail et al. (2011). Dasar Fiskal dan Asakan Keluar Mengikut Sub-sektor Perbelanjaan Kerajaan di Malaysia, *Jurnal Kemanusiaan*, bil 17 Jun 2011, Diakses dari <www.fppsm.utm.my/jurnal-kemanusiaan.html> [Diakses pada 20 Disember 2014]
- Norain Mod Asri et al. (2010). Komposisi Perbelanjaan Kerajaan dan Pertumbuhan Ekonomi Kajian Empirikal di Malaysia. *Jurnal Kemanusiaan*, bil 15 Jun 2010, Diakses dari <www.fppsm.utm.my/jurnal-kemanusiaan.html> [Diakses pada 20 Disember 2014]
- Norain Mod Asri et al. (2012). Impak Hasil Berasaskan Petroleum terhadap Dasar Fiskal Malaysia, *Prosiding PERKEM VII*, Jilid 2, 1093-1101.
- Norliyana Abd Rahman (2013). *Fiscal Policy, Public Debt and Economic Growth in Malaysia*, Tesis Sarjana (MEM), Universiti Sains Malaysia.
- Peterson, W. L. (1991). *Principle of Economics*, 8th edition, Irwin Publishing, New York.

Dornbusch, R. & Fisher, S. (1986). *Ekonomi-Makro*, Jilid 2, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Primo & Snyder (2010). Party Strength, the Personal Vote and Government Spending, *American Journal of Political Sciences*, Vol 54 (2), 354-370.

Quijano, J. M. & Garcia, D. R. (2005). Causality and Determinants of Government Spending and Economic Growth : The Philippine Experience 1980-2004, Diakses daripada <ecomod.net/sites/default/files/document-conference/.../1458.doc> [Diakses pada 10 Mac 2015].

Saysombath, P. & Kyophilavong, P. (2013). The Causal Link Between Spending and Revenue The Lao PDR, *International Journal of Economics and Finance*, Vol 5 (10).

Skidmore, M. et al. (2004). Convergence in Government Spending : Theory and Cross-Country Evidence, *KYKLOS*, Vol, 57 (4) : 587-620.

Stefan, K. et al. (2010). The Adverse Effect of Government Spending on Private Consumption in New Keynes Model, *Metroeconomica*, 61 (4), 621-639.

Tsen, W. H. & Ping, L. K. (2005). The Relationship between Government Revenue and Expenditure in Malaysia, *International Journal of Management Studies*, 12 (2), 53-72.

Unit Perancang Ekonomi (2014). Rancangan Malaysia kesepuluh, Diakses daripada <<http://www.epu.gov.my/tenth-malaysia-plan-10th-mp-;jsessionid=A5ED1B0E041EC9F23FB0CE7A5A6C26A4>> [Diakses pada 1 Oktober 2014].

Vuckovic, V. & Basarac, M. (2012). The Effect of Political Institutions on The Size of Government Spending in European Union Member States and Croatia.

Yuin, C.S. (2008). *Penentu Perbelanjaan Kerajaan Malaysia 1971-2005*, Tesis Sarjana (MEM), Universiti Sains Malaysia.

Zulkefly Abdul Karim et al. (2006). Hubungan antara Hasil dengan Perbelanjaan Kerajaan Negeri di Malaysia, *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 40, 59-93.

Zulkefly Abdul Karim & Aminudin Mokhtar (2005). Hubungan antara Hasil dengan Perbelanjaan: Bukti Emperikal Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di Malaysia, *International Journal of Management Studies*, 12 (2), 145-170.